

1980

DARI K.C. LEONG DAN ENDOT YUSOFF:

BANGKOK, 25 OKT (BERNAMA) — NEGARA-NEGARA ASEAN HENDAKLAH PEMPERCEPATKAN PENEROKAAN KE ATAS SUMBER-SUMBER TENAGA BUKAN MINYAK UNTUK MEMENUHI PERMINTAAN YANG BERTAMBAH BAGI MENGEKALKAN PEMBANGUNAN EKONOMI, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

NEGARA-NEGARA ASEAN HENDAKLAH Mencari lain-lain sumber tenaga seperti arang batu, tenaga haidro dan kurang bergantung kepada minyak yang kini merupakan barangan yang tidak mencukupi, tambahnya.

+JUGA KITA MEMPUNYAI POTENSI HAIDRO ELEKTRIK YANG BANYAK YANG TIDAK DIGUNA DAN JIKA KITA BERKONGSI POTENSI HAIDRO ELEKTRIK ITU MAKA PEMBANGUNAN PROJEK-PROJEK YANG LEBIH BESAR DAPAT DILAKUKAN, + KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA MALAYSIA SELEPAS MESYUARAT PARA MENTERI EKONOMI ASEAN DI SINI.

+PERKONGSIAN TENAGA SEUMPAMA ITU BOLEH DILAKUKAN DI SARAWAK

DI MANA TENAGA HAIDRO ELEKTRIK BOLEH DIBEKALKAN KE KALI-
MANTAN BAGI KEGUNAAN RAKYAT INDONESIA, + JELASNYA.
DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TENAGA HAIDRO ELEKTRIK DI
SAHAN, SUMATERA BOLEH DIBEKALKAN KE SEMENANJUNG MALAYSIA
MENERUSI SELAT MELAKA. — BERSAMBUNG 2232/ZCM

5593:

ASEAN-MAHATHIR 2 BANGKOK

TIMBALAN PERDANA MENTERI ITU BERKATA PADA MASA INI MALAYSIA BERKONGSI TENAGA ELEKTRIK DENGAN SINGAPURA DAN NEGERI THAI DI KAWASAN-KAWASAN SEMPADAN.

BELIAU MENAMBAH KEMUNGKINAN PROJEK-PROJEK ASEAN PERLU DI-
TENTUKAN SEBELUM IANYA DIUMUMKAN BAGI MENGELAKKAN SEBARANG
KERUMITAN.

MENGENAI PROJEK-PROJEK PERINDUSTRIAN ASEAN, BELIAU BERKATA MEREKA
MERUPAKAN YANG PERTAMA DAN SUDAH PASTI TERDAPAT BEBERAPA
MASALAH YANG PERLU DITELITI.

+MALAH PERUNDINGAN-PERUNDINGAN MENGENAI PEMBIAYAAN PROJEK-
PROJEK ITU TELAH BERLARUTAN KERANA AMALAN JEPUN IALAH UNTUK
BERUNDING DENGAN BADAN-BADAN BERASINGAN BAGI MENYIAPKAN
PINJAMAN DAN INI MEMAKAN BANYAK MASA, + JELAS DATUK SERI DR.
MAHATHIR LAGI. — BERSAMBUNG 2242/ZCM

5594:

ASEAN-MAHATHIR 3 BANGKOK

MENGENAI PEMBIAYAAN PROJEK-PROJEK PERINDUSTRIAN ASEAN, DATUK
SERI DR. MAHATHIR BERKATA TERDAPAT KEMUNGKINAN PERUNTUKAN
SEBANYAK AS\$1,000 JUTA (M\$2,100 JUTA) YANG DIJANJIKAN OLEH JEPUN
TIDAK CUKUP BAGI MENUTUP PINJAMAN BAGI PEMBIAYAAN KELIMA-
LIMA PROJEK ASEAN.

+JADI KITA TERPAKSA MENDAPATKAN PINJAMAN DARI PUNCA LAIN, +
KATANYA.

ASEAN TELAH MENGADAKAN BEBERAPA PERBINCANGAN DENGAN KESATUAN
EKONOMI EROPAH (EEC) DENGAN HARAPAN MEREKA DAPAT MENYE-
DIAKAN SEBAHAGIAN DARI WANG TETAPI ADALAH JELAS DARI
PERBINCANGAN-PERBINCANGAN ITU BAHAWA EEC CUMA INGIN MEMBANTU
ASEAN MENDAPATKAN PINJAMAN DI PASARAN-PASARAN PERNIAGAAN

100

TETAPI TIDAK MENYEDIAKAN WANG ITU SENDIRI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MEMBUAT GESAAN DI MESYUARAT ITU BAGI PERKEMBANGAN PERKAPALAN DI KALANGAN ASEAN DENGAN TUJUAN MENURUNKAN KADAR BAYARAN PERTAMBANGAN.

KADAR PERTAMBANGAN ANTARA NEGARA-NEGARA ASEAN DAN DI DALAM NEGARA-NEGARA ASEAN ADALAH GANJIL DAN MERUPAKAN KEADAAN YANG TIDAK PATUT DIBENARKAN BERTERUSAN. — BERSAMBUNG 2300/ZCM

ASEAN-MAHATHIR 4 BANGKOK

MISALNYA, TAMBAHNYA, KOS MENGANGKUT BARANGAN DARI KOTA KINABALU SABAH KE SEMENANJUNG MALAYSIA ADALAH SAMA DENGAN MENGANGKUT BARANG-BARANG DARI PELABUHAN-PELABUHAN SEMENANJUNG MALAYSIA KE AMERIKA SYARIKAT.

MENGENAI PENYERTAAN MODAL ASEAN, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA +SEBAIK SAHAJA KITA MENENTUKAN KEPERLUAN-KEPERLUAN DAN LALUAN-LALUAN PERKHIDMATAN ITU KITA BOLEH MENYUSUN BAGAIMANA ASEAN DAPAT MENYERTA DALAM PERKAPALAN DI KALANGAN ASEAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA NEGERI THAI BERPUASHATI DENGAN BANTUAN YANG DIHULUR OLEH MALAYSIA MEMBEKALKAN MINYAK DAN BARANG-BARANG KELUARAN MINYAK KE NEGARA ITU SEPERTI YANG DIPINTA.

SEMENTARA ITU SATU PERNYATAAN BERSAMA YANG DIKELUARKAN SELEPAS MESYUARAT ITU BERKATA INDONESIA TELAH MENAWAR BERUNDING DENGAN NEGARA-NEGARA ANGGOTA OPEC DI KAWASAN TELUK BAGI MENDAPATKAN BEKALAN TAMBAHAN MINYAK BAGI NEGARA-NEGARA ASEAN UNTUK MENAMPUNG KEKURANGAN AKIBAT PERANG IRAN-IRAQ.

MESYUARAT ITU JUGA MENERIMA LAPORAN KELIMA-LIMA JAWATANKUASA DAN MELULUSKAN BEBERAPA PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA ITU. — BERSAMBUNG 2330/ZCM

ASEAN-MAHATHIR 5 BANGKOK

ANTARANYA IALAH KELULUSAN KEISTIMEWAAN TARIFF BAGI 1,500 BARANGAN DI BAWAH PERJANJIAN KEISTIMEWAAN PERDAGANGAN (PTA) MENJADIKAN JUMLAHNYA KEPADA 5,825. JUTA MENAMBAHKAN POTONGAN TARIFF DI BAWAH PTA DARI 10 PERATUS KEPADA 20 ATAU 25 PERATUS.

MENGENAI CADANGAN MENAIKKAN SILING BARANG-BARANG BAGI MELAYAKAN BAGI KONSESI TARIFF 20 PERATUS DARI AS\$50,000 (M\$105,000) KEPADA AS \$100,000 ATAU AS \$200,000.

PARA MENTERI ITU MEMINTA JAWATANKUASA MENGENAI PERDAGANGAN DAN PELANCONGAN (COTT) UNTUK MENIMBANG IMPLIKASI PER-TAMBAHAN SEUMPAMA ITU.

MESYUARAT ITU JUGA MENERIMA GARIS-GARIS PANDUAN AM MENGENAI PROJEK SELING MELENGKAPI PERINDUSTRIAN ASEAN UNTUK MENYIAPKAN PERJANJIAN ASAS UNTUK DITANDATANGANI DI MESYUARAT KE-11 PARA MENTERI EKONOMI ASEAN DI INDONESIA.

PROJEK SALING-MELENGKAPI AUTOMOTIF ASEAN JUGA DILULUSKAN YANG MEMPERUNTUKKAN MALAYSIA MENGELUARKAN ENJIN-ENJIN DIESEL DENGAN KEUPAYAAN 135 KUASA KUDA. — BERSAMBUNG 2350/ZCM

B603:

ASEAN-MAHATHIR 6 BANGKOK

MALAYSIA JUGA DIBENARKAN MENGELUARKAN LAMPU-LAMPU DEPAN KENDERAAN MOTOR, INDONESIA STERING RODA, PHILIPINA GANDAR RODA BELAKANG KEGUNAAN BERAT, SINGAPURA +FUEL INJECTION+ DAN NEGERI THAI BAGI KARBURETOR.

MESYUARAT ITU JUGA MENGAMBIL PERHATIAN TENTANG KEMAJUAN KERJASAMA EKONOMI ANTARA ASEAN DENGAN NEGARA-NEGARA KETIGA DAN DENGAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ANTARABANGSA.

SEMENTARA ITU, SETIIBANYA DI KUALA LUMPUR DARI BANGKOK, TIMBALAN PERDANA MENTERI MEMBERITAHU PARA PEMBERITA PADA KESELURUHANNYA MESYUARAT ITU BERJAYA MEMUPUK KERJASAMA RAPAT DI KALANGAN NEGARA ANGGOTA.

TIDAK TERDAPAT ISU YANG KONTROVERSIAL DALAM MESYUARAT DUA HARI ITU, JELASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH DISAMBUT KETIBAANNYA OLEH MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB MAHMUD DAN PARA PEGAWAI KANAN KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN DAN KEMENTERIAN LUAR. — BERNAMA 2358/ZCM